



SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI BILANGAN 3 TAHUN 2025

BAYARAN BANTUAN CUTI SAKIT KONTRAK

TUJUAN

1. Surat pekeliling ini bertujuan memaklumkan keputusan Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengenai kelulusan kemudahan Bayaran Bantuan Cuti Sakit Kontrak (BCSK) kepada anggota-anggota lantikan kontrak (*Contract of Service* – CoS) dan Lantikan Kontrak Interim (LKI) di Pentadbiran Negeri Pulau Pinang.

LATAR BELAKANG

2. Pada masa ini, dasar mengenai kemudahan Cuti Sakit kepada anggota lantikan kontrak (CoS) dan LKI diperincikan melalui MyPPSM Ceraian UP.1.1.1 - Dasar Dan Prosedur Pelantikan Secara Kontrak (*Contract of Service*) serta lampirannya yang berkaitan.

3. Kemudahan Cuti Sakit kepada anggota lantikan kontrak (CoS) dan LKI diperincikan di Perkara 54.2 dalam Lampiran UP.1.1.1 tersebut. Secara ringkasnya, anggota-anggota ini diperuntukkan Cuti Sakit bergaji penuh sebanyak 15 hari setahun, dengan kemudahan tambahan

sebanyak 75 hari setahun untuk tidak hadir bertugas di atas sebab kesihatan. Walau bagaimanapun, pegawai tidak layak dibayar sebarang emolumen bagi tempoh tidak hadir bertugas di atas sebab kesihatan tersebut.

4. Berdasarkan senario semasa, terdapat keperluan bagi penambahbaikan terhadap kemudahan yang disediakan, sebagai satu nilai tambah terhadap kebajikan anggota-anggota lantikan kontrak (CoS) dan LKI di bawah Pentadbiran Negeri Pulau Pinang.

TAFSIRAN

5. Bagi maksud surat pekeliling ini :

"anggota/pegawai" ertinya seorang anggota perkhidmatan awam Negeri Pulau Pinang yang dilantik secara kontrak (CoS) dan LKI selaras dengan tatacara yang diperincikan di dalam MyPPSM Ceraian UP.1.1.1.;

"Cuti Sakit" ertinya kemudahan yang diberikan kepada seorang anggota untuk tidak hadir bertugas atas sebab-sebab kesihatan. Permohonan kemudahan ini perlu disokong dengan perakuan Pegawai Perubatan Kerajaan/Swasta, dan memerlukan kelulusan Ketua Jabatan/Pegawai Diberi Kuasa;

"Emolumen" ertinya gaji keseluruhan pegawai yang meliputi komponen gaji pokok dan imbuhan tetap serta bayaran imbuhan yang diberikan berasaskan kriteria sara hidup; dan

"Ketua Jabatan" ertinya seseorang pegawai yang mengetuai sesuatu jabatan di peringkat negeri, cawangan, daerah, daerah kecil atau pejabat, mengikut mana-mana yang berkenaan.

PELAKSANAAN

6. Pegawai yang telah menghabiskan kelayakan 15 hari Cuti Sakitnya, dan masih memerlukan tempoh untuk pulih dari sakit, boleh dipertimbangkan kebenaran tidak hadir bertugas atas sebab kesihatan. Pegawai tidak layak menerima sebarang emolomen dalam tempoh tersebut. Namun, pegawai boleh mengemukakan permohonan untuk dibayar BCSK dalam tempoh tidak hadir bertugas berkenaan.

7. Bayaran BCSK boleh dipertimbangkan kepada seorang anggota dalam keadaan berikut :

- (a) pegawai dilantik secara kontrak (CoS) dan LKI bagi tempoh sekurang-kurangnya setahun;
- (b) pegawai telah menghabiskan kelayakan 15 hari Cuti Sakitnya bagi tempoh kontrak semasa; dan
- (c) pegawai masih memerlukan tempoh untuk tidak hadir bertugas atas sebab kesihatan. Tempoh tidak hadir bertugas atas sebab kesihatan tersebut perlu disokong dengan perakuan Pegawai Perubatan Kerajaan / Swasta, dan telah diluluskan oleh Ketua Jabatan/Pegawai Diberi Kuasa.

8. Bayaran BCSK hanya dibenarkan dalam tempoh kontrak pegawai masih berkuat kuasa. Sekiranya kontrak pegawai tamat atas apa-apa sebab, bayaran BCSK hendaklah dihentikan serta-merta.

9. Kadar bayaran BCSK ialah bersamaan dengan emolumen (gaji pokok dan imbuhan tetap serta bayaran imbuhan yang diberikan berasaskan kriteria sara hidup) semasa pegawai.

10. Kelulusan pembayaran BCSK ini tidak mengubah tatacara dan peraturan berkaitan perkhidmatan anggota-anggota kontrak seperti yang diperincikan di dalam MyPPSM UP.1.1.1 – Dasar dan Prosedur Pelantikan Secara Kontrak (*Contract of Service*) dan lampiran-lampirannya yang berkaitan.

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

11. Ketua Jabatan perlu memastikan pegawai telah memenuhi syarat-syarat tidak hadir bertugas atas sebab kesihatan seperti yang diperincikan di dalam MyPPSM UP.1.1.1 dan lampiran-lampirannya yang berkaitan, serta telah meluluskan permohonan pegawai untuk tidak hadir bertugas atas sebab kesihatan tersebut.

12. Memantau tempoh tidak hadir bertugas atas sebab kesihatan pegawai supaya tidak melebihi had yang telah diperincikan di dalam pekeliling-pekeliling berkaitan. Sekiranya pegawai telah menghabiskan kelayakan untuk tidak hadir bertugas atas sebab kesihatan ini, Ketua Jabatan perlu menguruskan penamatan kontrak pegawai berdasarkan peraturan yang sedang berkuat kuasa.

13. Ketua Jabatan perlu memohon peruntukan tambahan di bawah Objek Sebagai OS 42000 dari Jabatan Kewangan Negeri (JKN) bagi tujuan pembayaran BCSK ini. Pihak JKN akan mengeluarkan Waran Peruntukan Kecil kepada jabatan, dan jabatan seterusnya menguruskan pembayaran bantuan ini berdasarkan tatacara pembayaran yang sedang berkuat kuasa.

TANGGUNGJAWAB PEGAWAI

14. Mengemukakan permohonan untuk tidak hadir bertugas atas sebab kesihatan sekiranya diperlukan kepada Ketua Jabatan, dengan mengemukakan Sijil Cuti Sakit dari Pegawai Perubatan Kerajaan/Swasta.

15. Mengemukakan permohonan BCSK kepada Ketua Jabatan sekiranya memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Bayaran bantuan ini cuma boleh dipertimbangkan sekiranya terdapat permohonan daripada pegawai.

16. Memaklumkan dengan segera kepada Ketua Jabatan sekiranya tempoh ketidakhadiran atas sebab kesihatan telah menghampiri kadar maksimum yang ditetapkan, bagi tujuan pengurusan kontrak.

TARIKH KUAT KUASA

17. Surat pekeliling ini berkuat kuasa mulai dari **1 September 2025**.

PEMAKAIAN

18. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, kemudahan ini turut dipanjangkan kepada Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Pulau Pinang.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS"



(DATO' SERI HAJI ZULKIFLI BIN LONG)

Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang |

8 Oktober 2025

Semua Ketua Bahagian PSUKPP

Semua Ketua Jabatan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan